

# **BERITA ONLINE**


## **BERITA HARIAN**

### **TARIKH : 10 NOVEMBER 2021 (RABU)**



## **'Malaysia Techlympics merakyatkan sains'**

November 10, 2021 @ 10:41pm



Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba, mendengar penerangan guru Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Chung Kwok, Fong Chun Sen, ketika melawat pameran pada pelancaran kempen promosi dan pertandingan Malaysia Techlympics di Taman Teknologi Malaysia, hari ini. - Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) hari ini memperkenalkan inisiatif Malaysia Techlympics untuk dilaksanakan di seluruh negara dalam usaha membudaya dan merakyatkan bidang sains, teknologi dan inovasi (STI).

Menterinya, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata inisiatif berkonsepkan pembelajaran praktikal itu bertujuan memupuk kesedaran, minat, penciptaan idea dan pengaplikasian bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dalam kalangan pelajar serta belia.

"Data Kementerian Pendidikan menunjukkan di peringkat sekolah menengah, sasaran nisbah 60:40 pelajar sains kepada pelajar bidang sastera belum dicapai.

"Malah, mengikut data tahun lalu, hanya 47.18 peratus murid memilih pengajian STEM.

"Apakah cara untuk kita ke hadapan? Ayuh sama-sama menggembungkan idea, meningkatkan kekuatan mental dan bergerak laju seperti 'shinkansen' (kereta api laju Jepun) untuk membudayakan STI," katanya berucap melancarkan Malaysia Techlympics di Taman Teknologi Malaysia di sini, hari ini.

Beliau berkata, inisiatif itu diharap mampu memupuk dan mengembangkan idea inovatif berasaskan pengetahuan bagi mengaplikasikan produk, teknologi atau menjana pengetahuan baharu sebagai solusi dalam kehidupan harian selari dengan kewujudan Revolusi Industri 4.0 (4IR) dan ekonomi digital.

Dr Adham berkata promosi "Road to Malaysia Techlympics" akan berlangsung selama sebulan bermula esok hingga 10 Disember dengan sokongan rakan korporat, agensi dan komuniti.

Antara aktiviti dirancang termasuk kuiz bintang handalan sains, tutorial reka bentuk pengangkutan masa depan, webinar teknologi masa depan, kelas maya mengatur cara robot, serta bengkel kemahiran matematik dan animasi.

Sementara itu, MOSTI dalam kenyataan memaklumkan Malaysia Techlympics berlandaskan Rangka Kerja 10-10 sains, teknologi, inovasi dan ekonomi (MySTIE) membabitkan kejuruteraan pengkomputeran dan pengkomputeran mikro, Internet benda (IoT), robotik, dron, matematik, reka bentuk kreatif dan animasi serta pencetakan dan pembangunan tiga dimensi (3D).

Menurut MOSTI, menerusi inisiatif Malaysia Techlympics, peserta akan terbabit dalam program pembelajaran berasaskan pengalaman dengan pendekatan secara maya dan fizikal.

"Peserta boleh mendaftar dan menyertai aktiviti menerusi Portal Malaysia Techlympics bagi meningkatkan kemahiran penggunaan teknologi, komunikasi, kerjasama, pemikiran kritis dan kreativiti.

"Maklumat aktiviti 'Road to Malaysia Techlympics' boleh diperoleh menerusi portal itu atau layari laman sesawang [www.techlympics.my](http://www.techlympics.my)," kata kenyataan itu. – BERNAMA